

Kebanyakan penuntut gembira dengan keputusan kerajaan yang sedia membenarkan penuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta pulang ke kampung masing-masing selepas berada dalam tempoh lama di kampus susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ketika ini.

Di sebalik kegembiraan itu, kebanyakan penuntut masih risau dan tidak mahu menjadi kluster baharu kepada penyebaran Covid-19 sehingga ada yang membuat keputusan untuk menetap di kampus sehingga penularan wabak itu pulih.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Universiti Putra Malaysia (UPM) Nurul Fatiyah Edrus, 23, mengakui rindu untuk bersama keluarga terutama pada bulan mulia ini, namun dia mengambil keputusan untuk tidak pulang ke kampungnya di Rembau, Negeri Sembilan sekiranya kerajaan membenarkan penuntut pulang ke pangkuhan keluarga dalam masa



AHMAD Hurairah

terdekat.

"Lagipun Rembau termasuk dalam zon merah Covid-19 dan ini merisikokan saya untuk dijangkiti. Keluarga faham situasi sekarang dan kami sentiasa berhubung untuk bertanya khabar.

"Sejak PKP dilaksanakan 18 Mac lalu, saya juga sudah membiasakan diri dengan normal baharu walaupun pergerakan hanya terhad di kolej kediaman dan kampus," katanya yang turut mengisi masa lapang dengan menjalankan perniagaan



NUR Zahirah

atas talian menjual barang kecantikan.

Pelbagai aspek terutama berkaitan pembelajaran perlu didahulukan sebelum pulang ke kampung menjadi keutamaan penuntut tahun ketiga dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Nur Zahirah Abdul Rani, 23.

"Keselesaan untuk belajar dan mengakses Internet untuk pembelajaran atas talian penting dalam situasi sekarang jika pulang ke kampung. Di kampus, penuntut sudah dibekalkan



NURUL Fatiyah

dengan perkhidmatan wifi untuk memudahkan kerja menyiapkan tugas dan tesis.

"Banyak yang perlu diteliti supaya keperluan untuk pulang ke kampung ini tidak menjelaskan proses pembelajaran penuntut," katanya yang berasal dari Kuantan, Pahang.

Menyambut baik saranan kerajaan itu, penuntut dari Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor, Ahmad Imran Mustpaha Kamil menyarankan supaya satu



AHMAD Imran

koordinasi yang efisien dilaksanakan antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan polis bagi memastikan kelancaran mobiliti mahasiswa ke kampung halaman selamat dan penuntut berada dalam keadaan sihat.

"Selain itu, mahasiswa yang akan pulang ke kampung halaman turut mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan supaya dapat mengurangkan risiko,

sekali gus memutuskan rantaian Covid-19," kata penuntut Ijazah Sarjana Muda Psikologi dengan Pemasaran itu.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Ahmad Hurairah Mohd Noor berkata, MPP bersedia sekiranya kerajaan membenarkan mahasiswa untuk pulang ke kampung halaman.

"MPP sudah menyiapkan data seperti nama dan destinasi penuntut termasuk penuntut Sabah dan Sarawak serta termasuk penuntut yang berada di luar kolej kediaman untuk pengesahan sama ada mahu pulang atau kekal di kampus.

"Rata-rata memilih untuk pulang ke pangkuhan keluarga, justeru MPP juga sudah merangka jadual pergerakan mengikut zon, bagi penuntut Sabah dan Sarawak pula kami pecahkan kepada tiga kluster untuk memudahkan urusan balik ke kampung halaman masing-masing," katanya.